



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

**SIARAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BHEUU, JPM SAMBUT BAIK LANGKAH MCMC PERKUKUH
PELAKSANAAN AKTA KESELAMATAN DALAM TALIAN 2025
(AKTA 866)**

PUTRAJAYA, 15 Disember 2025 – Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) menyambut baik langkah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang menyifatkan penyedia perkhidmatan pesanan Internet dan media sosial dengan jumlah pengguna berskala besar sebagai berdaftar melalui mekanisme Peruntukan *Deeming* di bawah seksyen 46A Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

Langkah ini adalah signifikan bagi melengkapkan pelaksanaan dan memperkukuh matlamat utama Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 (Akta 866) dengan memastikan penyedia perkhidmatan beroperasi secara teratur di bawah kerangka kawal selia negara, tanpa menjejaskan kesinambungan operasi platform global.

Pendekatan ini juga mencerminkan prinsip akauntabiliti yang menjadi teras kepada Akta 866, iaitu memastikan penyedia perkhidmatan mempunyai tanggungjawab yang jelas terhadap keselamatan pengguna bagi melindungi golongan rentan khususnya kanak-kanak daripada kemudaratan dalam talian seperti buli siber, penipuan kewangan, eksploitasi kanak-kanak dan penyebaran kandungan memudaratkan. Langkah ini juga dilaksanakan dengan mengambil kira keseimbangan antara keselamatan dalam talian dan kebebasan bersuara.

Dalam hal ini, BHEUU, JPM akan terus bekerjasama dengan MCMC, kementerian dan agensi yang berkaitan serta pihak berkepentingan untuk memastikan pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 berjalan secara berfasa, telus dan berkesan, termasuk melalui mekanisme Jawatankuasa Keselamatan Dalam Talian seliaan BHEUU, JPM yang dtubuhkan di bawah Akta tersebut.

Kerajaan MADANI kekal komited untuk membina ekosistem digital yang selamat, beretika dan bertanggungjawab, di samping memastikan kemajuan teknologi dimanfaatkan tanpa mengorbankan keselamatan, kesejahteraan dan kepentingan awam rakyat Malaysia.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
15 DISEMBER 2025**

